

# NGO terima peruntukan RM96.4j

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerima peruntukan RM96.4 juta dalam Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Peruntukan itu termasuk RM6 juta bagi kerja-kerja pencegahan AIDS, pembangunan wanita dan keluarga (RM20 juta), program kesihatan (RM20.8 juta) dan aktiviti membantu golongan kurang upaya sebanyak RM26.6 juta.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, peruntukan itu sebagai bukti kerajaan menghargai sumbangan NGO dalam melaksanakan kegiatan kebajikan mereka.

Kerajaan juga, katanya, menyanjung tinggi semangat kesukarela-

wan NGO terbabit sehingga sanggup mempertahankan keselamatan diri demi melaksanakan misi mereka.

## Ketabahan

“Kita telah menyaksikan bagaimana ketabahan dan keberanian yang ditunjukkan oleh Pasukan Perubatan Malaysia (Mercy) menyampaikan bantuan kepada mangsa perang di Afghanistan dan Iraq,” katanya.

Selain itu, menurut Dr. Mahathir, terdapat beberapa NGO lain yang bekerjasama dengan kerajaan membanteras masalah sosial seperti penagihan dadah, HIV/AIDS serta membela mereka yang kurang bernasib baik seperti golongan tua dan terbiar, orang kurang upaya dan me-

reka yang menghidap penyakit kronik.

Beliau menyeru semua NGO di negara ini supaya terus mengeratkan hubungan persefahaman melalui perkongsian bijak dengan kerajaan dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab dan penyayang.

“Untuk ini, mereka perlu mewujudkan satu piawaian bagi menilai prestasi terutama daripada aspek keberkesanan kepimpinan, kegiatan dan pengurusan kewangan,” katanya.

Kata Dr. Mahathir, ini bagi membolehkan NGO terbabit memainkan peranan sebagai badan sukarela secara lebih beretika, efisien dan mempunyai akauntabiliti.